



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
SERENTAK KURIKULUM JUN 2019
PROGRAM KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN
ELEKTRONIK POLITEKNIK MALAYSIA**

**Bidang Kejuruteraan Elektrik
Bahagian Kurikulum
Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Berkuatkuasa 31 Mei 2019**

1.0 Pengenalan

- 1.1 Pelaksanaan serentak adalah penggunaan Kurikulum Versi Jun 2019 secara serentak dari semester 1 hingga semester 5 pada semua kohort pengajian kecuali kohort yang sedang menjalani Latihan Industri pada sesi Jun 2019.
- 1.2 Pelaksanaan ini melibatkan 9 program pengajian diploma di Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) yang telah diluluskan oleh Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian dan Program Latihan di Politeknik Bil 1/2019 pada 23 April 2019 seperti berikut:
 - i. Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET)
 - ii. Diploma Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau) (DEG)
 - iii. Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kecekapan Tenaga) (DEQ)
 - iv. Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE)
 - v. Diploma kejuruteraan Elektronik (Optoelektronik) (DEO)
 - vi. Diploma kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP)
 - vii. Diploma kejuruteraan Elektronik (Perubatan) (DEU)
 - viii. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Kawalan) (DJK)
 - ix. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) (DTK)
- 1.3 Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara serentak melibatkan Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan jabatan – jabatan sokongan yang menyumbang kepada 9 program terlibat.

2.0 Tujuan dan Rasional Pelaksanaan serentak

- 2.1 Akreditasi program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) PSAS – 2017, terdapat *Concerns* yang perlu diselesaikan/ditutup pada tahun 2019 supaya akreditasi diteruskan sehingga 2021 iaitu:
 - i. *Final Year Project credit units does not fulfilled the qualifying requirement of ETAC*

- ii. *The current 11 outcomes of MQA standard are not directly aligned with the corresponding ETAC 12 PO and are yet to address sufficiently the requirement concerning Environment, Project Management and Finance.*
- 2.2 Akreditasi program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi), DEP, pada tahun 2018 juga mendapat *concern* yang sama dan ETAC Council telah dimaklumkan perkara tersebut akan diselesaikan dengan pelaksanaan kurikulum baru pada sesi Jun 2019.
- 2.3 Untuk memastikan kedua-dua *concern* tersebut telah diselesaikan sebelum akreditasi Program DET, DEP dan 5 program diploma kejuruteraan elektrik dan elektronik di 18 politeknik pada sukuan ketiga 2019.
- 2.4 kursus-kursus tahap 1 sehingga 3 DET & DEP juga diguna sama oleh semua program Kejuruteraan Elektrik dan sebarang pindaan kurikulum akan melibatkan semua program kejuruteraan elektrik yang lain
- 2.5 Jabatan hanya menggunakan 1 Kalendar Akademik pengajian sahaja.
- 2.6 Semua pelajar yang akan bergraduasi harus mendapat impak penambahbaikan yang berkaitan dengan keperluan terkini seperti yang disarankan oleh ETAC.

3.0 Tempoh transisi pelaksanaan serentak

- 3.1 Tempoh transisi pelaksanaan serentak adalah bermula daripada sesi akademik Jun 2019 sehingga Jun 2021. Jadual transisi tempoh pelaksanaan 2019 – 2021 adalah merujuk Lampiran 1.

4.0 Skop Pelaksanaan

- 4.1 Berkuatkuasa pada sesi Jun 2019
- 4.2 Melibatkan Kohort yang berada pada semester 1-5 sahaja dan syarat bergraduasi adalah mematuhi struktur kurikulum versi 2019.
- 4.3 Kohort yang berada di semester 6 dan yang menjalani Latihan Industri pada sesi Jun 2019, kekal menggunakan Kurikulum Versi 2014 dan mematuhi syarat bergraduasi struktur Kurikulum Versi 2014.
- 4.4 Kursus – kursus yang bukan di bawah Jabatan Kejuruteraan Elektrik, tetapi disenaraikan di dalam Struktur Program 2019 masih terikat dengan pelaksanaan serentak dan perlu menggunakan Kurikulum Versi 2019. Perkara ini terpakai di Jabatan Kejuruteraan Elektrik sahaja.
- 4.5 Kurikulum Versi 2019 digubal berdasarkan pelaksanaan 14 minggu pengajian, oleh yang demikian Kalendar Akademik pelaksanaan 14 minggu pengajaran dan pembelajaran (P&P) dilaksanakan serentak untuk semua kohort di Jabatan Kejuruteraan Elektrik.
- 4.6 Politeknik perlu menyediakan *study plan* yang diluluskan oleh Ketua Jabatan bagi kohort semester 2 – 5, untuk membuat penjajaran struktur program 2014 kepada struktur program 2019 dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i. Mematuhi pra syarat yang ditetapkan di dalam *Programme Information*.
 - ii. Projek 1 dan projek 2 dan latihan industri dikekalkan mengikut struktur program Kurikulum Versi 2019
- 4.7 Mekanisma pelajar yang gagal kursus bagi struktur program 2104
 - i. Pelajar perlu mengulang kursus kod baru di dalam struktur program 2019
 - ii. Sekiranya kursus tersebut telah digugurkan daripada struktur program, tetapi masih aktif (ditawarkan sebagai kursus elektif/

program lain/ di jabatan lain) pelajar dibenarkan mengulang kursus kod baru tersebut.

- iii. Sekiranya kursus tersebut dijumudkan (DEP3283 *Telephony*, DEQ3142 *Renewable Energy*), pelajar perlu mengulang kursus baru yang menggantikan kursus jumud dan tidak dikira sebagai mengulang kali pertama.
- iv. MPU: Sains teknologi dan Kejuruteraan Islam (DUA2012)/ Nilai Masyarakat Malaysia (DUB2012) dan Komunikasi Penyiaran Islam (DUA6022):
 - a. Sekiranya pelajar telah mengambil kursus DUA6022 dan **LULUS**, pelajar dikira sebagai telah memenuhi syarat keperluan MPU-U3 dan syarat bergraduasi kurikulum versi 2019 dan tidak perlu mengambil kursus DUA2012/ DUB2012.
 - b. Sekiranya pelajar telah mengambil kursus DUA6022 dan **GAGAL**, pelajar boleh mengulang salah satu daripada kursus tersebut dan dikira sebagai mengulang kali pertama.
 - c. Sekiranya pelajar telah mengambil kedua – dua kursus tersebut dan **LULUS** salah satu, pelajar dikira sebagai telah memenuhi syarat keperluan MPU – U3 dan syarat bergraduasi kurikulum versi 2019 dan tidak perlu mengulang mana – mana kursus yang gagal.

5.0 Pendaftaran Kursus

- 5.1 Sebarang kursus yang didaftarkan adalah berdasarkan *study plan* yang diluluskan oleh ketua jabatan dan cadangan penasihat akademik.
- 5.2 Jumlah nilai kredit pelajar pada setiap semester perlu mematuhi arahan peperiksaan yang berkuatkuasa.
- 5.3 Jabatan juga digalakkan untuk merancang penawaran semester pendek bagi kursus tertentu yang dirasakan perlu bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di jabatan serta jabatan sokongan semasa tempoh transisi.

6.0 Penafian

- 6.1 Mana –mana perkara yang tidak termaktub di dalam garis panduan ini adalah masih tertakluk kepada arahan-arahan dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa.

- 7.0 Garis panduan ini terbatal setelah tempoh transisi pelaksanaan serentak ini tamat.

LAMPIRAN 1

	Kedudukan Kohot Pada Sesi Jun 2019	2016	2017		2018		2019		2020		2021	
		DEC	JUN	DEC	JUN	DEC	JUN	DEC	JUN	DEC	JUN	DEC
AMBILAN DEC 2016	SEM 6	CURR2014	CURR2014	CURR2014	CURR2014	CURR2014	LI-2014					
AMBILAN JUN 2017	SEM 5		CURR2014	CURR2014	CURR2014	CURR2014	CURR2019	LI2019				
AMBILAN DEC 2017	SEM 4			CURR2014	CURR2014	CURR2014	CURR2019	CURR2019	LI2019			
AMBILAN JUN 2018	SEM 3				CURR2014	CURR2014	CURR2019	CURR2019	CURR2019	LI2019		
AMBILAN DEC 2018	SEM 2					CURR2014	CURR2019	CURR2019	CURR2019	CURR2019	LI2019	
AMBILAN JUN 2019	SEM 1						CURR2019	CURR2019	CURR2019	CURR2019	CURR2019	LI2019

Kurikulum Versi 2014



Kurikulum Versi 2019

